CHEN KOW

lwn.

YEW SIN MOTOR SUPPLY SDN. BHD.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
DATO' HJ. WAN MOHAMED BIN WAN MUSTAPHA H.
[SAMAN PEMULA NO. S2-24-576-92]
13 JUN 1994

UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN: Syarikat perkongsian - Plaintif menanam modal dalam perkongsian melalui pembayaran kepada seorang pekongsi dan diberi satu "sijil saham" - Samada "sijil saham" mengikat perkongsian - Samada pekongsi hanyalah pemegang amanah kepada plaintif - Perkongsian ditukar kepada syarikat berhad - Samada syarikat berhad satu identiti lain - Samada plaintif pemegang saham beneficial syarikat berhad.

Dalam kes ini Yew Sin Motor Supply Company, sebuah perkongsian, telah memulakan operasinya pada 1 November 1960 dengan modal sebanyak RM26,000. Pada 25 November 1960, plaintif telah membayar sebanyak RM 3000 kepada seorang pekongsi firma tersebut (Lai Fong) untuk dijadikan sebahagian daripada modal firma tersebut dan sebagai menandakan penerimaan wang tersebut, satu dokumen yang dinamakan sebagai "sijil saham" telah dikeluarkan oleh Lai Fong kepada plaintif. "Sijil saham" itu antara lain menyebut "now Mr. Chen Kow (under the name of Lai Fong) admits a share of RM3000".

Pada 30 Jun 1968 firma tersebut telah menutup perniagaannya dan menukar identitinya kepada sebuah syarikat berhad dan diberi nama Yew Sin Motor Supply Sendirian Berhad, defendan dalam kes ini. Pada 15 Julai 1992, iaitu 24 tahun selepas syarikat defendan beroperasi, plaintiff membuat tuntutan dan seterusnya memohon perisytiharan Mahkamah, bahawa berdasarkan "sijil saham" di atas beliau adalah ahli kongsi dalam firma tersebut dan dengan itu menjadi pemegang saham beneficial dalam syarikat defendan. Rekod-rekod resmi perkongsian tersebut dan juga syarikat defendan, bagaimanapun, tidak langsung menunjukkan bahawa plaintif mempunyai apa-apa kepentingan didalam perkongsian atau syarikat berkenaan.

Di hadapan Yang Arif Hakim persoalan penting yang timbul ialah samada dalam halkeadaan kes ini plaintif mempuyai kausa tindakan yang sah terhadap defendan.

Diputuskan:

[1] Plaintif tidak mempunyai kausa tindakan yang sah terhadap defendan dan hujah plaintif bahawa defendan memegang saham beliau sebagai pemegang amanah adalah tidak berasas. Dokumen yang dikatakan sebagai "sijil saham" itu bukanlah sijil saham dalam ertikatanya yang sebenar. Dokumen itu hanyalah satu pengakuan oleh Lai Fong yang beliau adalah pemegang amanah kepada plaintif mengenai RM3000 modal dalam firma tersebut yang telahpun ditutup operasinya pada tahun 1968. Transaksi tersebut langsung tidak melibatkan defendan yang mempunyai identiti yang berlainan dan terasing dari Lai Fong. Selain itu tiada sebarang rekod di dalam firma tersebut atau syarikat defendan yang menunjukkan bahawa plaintif mempunyai apa-apa hak atau kepentingan di dalam firma Yew Sin Motor Supply Company atau syarikat defendan berkenaan.

[2] Remedi yang dipohon plaintif adalah remedi equitable. Fakta menunjukkan bahawa buat beberapa waktu plaintif tidak berbuat apa-apa untuk menentukan kedudukannya dan hanya kira-kira 24 tahun selepas syarikat defendan ditubuhkan baharulah permohonan untuk perisytiharan ini dibuat. Ini adalah satu kealpaan yang tidak dapat dimaafkan. Permohonan ini juga adalah statute-barred.

[Permohonan ditolak].

Sumber-sumber yang dirujuk:
Halsburry's Law of England, 4th Edn., Vol. 4, para 60

Bagi pihak plaintif - Y.T. Ling; T/n. Lee, Ling & Partners
Bagi pihak defendan - K.L. Wong; T/n. Nik Hussain & Partners

ALASAN PENGHAKIMAN

Hj. Wan Mohamed Bin Wan Mustapha J:
Plaintif melalui Saman Pemula memohon perintah perisytiharan (declaration) bahawa plaintif adalah pemegang saham beneficial dalam syarikat defendan (Yew Sin Motor Sdn. Bhd); atau bahawa syarikat defendan adalah pemegang amanah ke atas saham plaintif dalam syarikat defendan dan lain-lain perintah terbitan daripada peristiharan yang dipohonkan.

Fakta-fakta kes yang dikemukakan oleh plaintif adalah seperti berikut:

Dalam bulan Oktober 1980, 12 orang bangsa Cina (tidak termasuk plaintif) telah membuat perkongsian perniagaan alat-alat ganti enjin disel. Perkongsian (firma) itu diberi nama "Yew Sin Motor Supply Company" dengan modal sebanyak RM26,300.

Plaintif mengatakan beliau telah membayar kepada salah seorang daripada ahli kongsi itu yang bernama Lai Fong wang sebanyak RM3,000. untuk dijadikan sebahagian daripada modal firma tersebut. Pembayarannya kepada Lai Fong dibuktikan dengan 3 keping resit. Lai Fong telah mengeluarkan satu dokumen yang plaintif sifatkan sebagai "sijil saham". Berdasarkan di atas "sijil saham" ini plaintif mengatakan yang ianya adalah ahli perkongsian dalam firma yang tersebut (Yew Sin Motor Supply Company). "Sijil saham" tersebut telah dieksibitkan sebagai 'Lampiran C' yang dikembarkan kepada affidavit plaintif di kdgn.(2).

Eksibit ini adalah dalam tulisan Cina dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dan adalah seperti di bawah ini:

"**Certificate of Share**"

It is learnt that in commercial rivalry the superior will be the victor. Production of business will be strengthened by partnership. Profits made thereof will be benefited to all people. They should co-operate with sincerity.

At present, Yew Sin Company intends to form a partnership business in diesel engine parts, with a joint capital of RM26,300. Now Mr. Chen Kow (under the name of Lai Fong) admits a share of RM3,000.

Hereafter any profit or loan of the business shall be reckoned according to shares. Hardship or happiness shall be shared by all. There shall be no dispute.

This certificate is specially executed to be kept by Mr. Chen Kow as proof.

Dated this 25 November 1960.

Executed by: (sgd.) Lai Fong

Adalah diperhatikan bahawa "sijil saham" yang asal adalah di dalam bentuk 'printed standard form' yang dapat dibeli di kebanyakan kedai buku atau kedai alatulis. Borang yang standard ini diisi dengan tulisan tangan di tempat kosong yang berkenaan.

Dokumen ini menjadi asas penting dalam kes ini untuk menentukan samada ianya merupakan dokumen firma Yew Sin Motor Supply Company ataupun sebagai pengakuan oleh Lai Fong yang beliau memegang saham firma itu sebanyak RM3,000 bagi pihak plaintif. Mahkamah bersetuju dengan Peguam pihak plaintif bahawa dokumen ini boleh diterima sebagai keterangan bertulis yang dibuat dan ditandatangani oleh Lai Fong; tetapi adalah menjadi persoalan yang penting samada Lai Fong menandatangani "sijil saham" itu bagi pihak firma (Yew Sin Motor Supply Company) atau atas peribadinya di antaranya (Lai Fong) dengan plaintif sahaja.

Peguam pihak plaintif menghujahkan bahawa oleh kerana Lai Fong adalah seorang ahli kongsi dalam firma Yew Sin Motor Supply Company, maka dengan sendirinya mengikati firma itu - rujukan dibuat kepada perenggan 60 dalam **Halsbury's Law of England,** 4th Edn., Vol. 4 yang berbunyi:

> **Acts done and documents executed in the firm name**. An act or instrument relating to the business of the firm done or executed in the firm name, or in any other manner showing an intention to bind the firm, by any person thereto authorised, whether a partner or not, is binding on the firm and all the partners. A deed executed by one partner for himself and his partner in the presence of the latter binds both.

Hujah peguam pihak plaintif tidak dapat diterima oleh Mahkamah atas sebab-sebab seperti berikut:

(1) Dokumen yang plaintif eksibitkan sebagai "sijil saham" bukannya sijil saham dalam ertikata yang sebenar (is not a share certificate in the ordinary sense of the word). Dokumen ini merupakan pengakuan Lai Fong yang beliau adalah pemegang amanah (trustee) kepada plaintif (Chen Kow) mengenai RM3,000 modal dalam firma Yew Sin Motor Supply Company, yang mula beroperasi pada 1 November 1960 dan telah ditamatkan pada 30 Jun 1968; dan ditukar (converted) kepada syarikat berhad (limited company) dan diberi nama "Yew Sin Motor Supply Sendirian Berhad".

Tiada sebarang rekod di dalam firma dan juga syarikat sendirian berhad yang berkenaan yang menujukkan bahawa plaintif Chen Kow mempunyai hak penyertaan atau kepentingan di dalam firma Yew Sin Motor Supply Company dan juga dalam syarikat defendan (Yew Sin Motor Supply Sdn. Bhd.).

(2) Tiada apa-apa tuntutan dibuat terhadap firma itu dan syarikat defendan sehingga Saman Pemula ini difailkan pada 15 Julai 1992.

Plaintif, selepas gagal mendapat penyelesaian dengan mending Lai Fong dan anak-anak Lai Fong (selepas kematian Lai Fong) membuat tuntutan terhadap defendan. Di dalam surat-surat plaintif kepada Lai Fong dan juga anak-anak Lai Fong menunjukkan bahawa Lai Fong adalah pemegang amanah kepada plaintif dan anak-anak Lai Fong, juga seterusnya sebagai pemegang amanahnya, tetapi syarikat defendan telah tidak terlibat. Mendiang Lai Fong dan anak-anaknya mempunyai identiti yang berlainan daripada syarikat defendan. Oleh itu kes plaintif ini boleh diumpamakan seekor serigala mengejar seekor rusa; setelah gagal mendapat rusa yang dikejarnya itu maka serigala itu berpaling mengejar pelanduk pula.

(3) Plaintif tidak mempunyai kuasa tindakan ke atas defendan (Syarikat Yew Sin Motor Supply Sdn. Bhd.) kerana tiada sebarang rekod dalam syarikat defendan yang plaintif mempunyai kepentingan di dalamnya. Dokumen yang dikatakan "sijil saham" - Eksibit 'C' yang dikembarkan kepada affidavit plaintif di kdgn.(2) - bukannya sijil saham yang dikeluarkan oleh firma Yew Sin Motor Supply Company bahkan satu dokumen yang dikeluarkan oleh Lai Fong sebagai orang perseorangan memperakui yang Lai Fong adalah pemegang amanah kepada wang sejumlah RM3,000 yang dijadikan sebahagian daripada modal dalam Yew Sin Motor Supply Company yang telah ditutup perniagaannya pada 30 Jun 1968.

(4) Remedi yang dipohonkan oleh plaintif adalah equitable remedy. Seperti yang dinyatakan di atas plaintif telah tidak berbuat apa-apa untuk menentukan kedudukan seperti yang dinyatakan olehnya dalam tuntutan ini, iaitu kononnya beliau mempunyai kepentingan dalam syarikat defendan sebagai pemegang saham. Hanya kira-kira 18 tahun selepas syarikat defendan ditubuhkan dan menjalankan perniagaan mereka, baharulah plaintif cuba membuat tuntutan terhadap Lai Fong dan bukannya kepada defendan. Tuntutan terhadap syarikat defendan dalam kes ini hanya dibuat pada 15 Julai 1992 iaitu 24 tahun selepas syarikat defendan ditubuhkan. Ini adalah satu kealpaan (laches) yang tidak dapat dimaafkan. "Equity helps the vigilance and not the indolence".

(5) Pernyataan pihak plaintif yang defendan memegang saham plaintif sebagai pemegang amanah (trustee) kepada plaintif adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima. Selain daripada tiada sebarang rekod yang menunjukkan keadaan yang sedemikian, Eksibit 'F' yang dikembarkan kepada affidavit plaintif di kdgn.(2) menunjukkan bahawa daripada modal firma sebanyak RM26,300 telah menjadi aset yang berjumlah RM299,993 dan inilah jumlah modal/saham yang telah dikeluarkan kepada pemegang-pemegang saham yang terdiri daripada bekas ahli-ahli perkongsian di dalam firma Yew Sin Motor Supply Company sebagai pemegang saham di dalam syarikat defendan (Yew Sin Motor Supply Sdn. Bhd.), dan dibahagi seperti berikut:

Lai Fong (mendiang)	RM82,354.00
Lai Fook Choy	58,829.00
Lai Fook Yin	52,923.00
Loh Yen Khoon	35,296.00
Siew Kwong	23,531.00
Sim Kwan Onn	11,764.00
Sim Thiam Loy	35,296.00
Jumlah:	RM299,993.00

Oleh itu tiada ruang bagi plaintif untuk mengatakan defendan memegang saham sebagai pemegang saham kepada plaintif. Kemungkinan yang munasabah, jika mendiang Lai Fong memegang sebahagian daripada wang modal perkongsian bagi pihak plaintif, saham habuan mendiang Lai Fong telah diberikan kepada mendiang Lai Fong dan tidak dipegang oleh syarikat defendan bagi pihak plaintif. Adalah tidak benar yang saham sebanyak RM82,354 itu adalah kesemuanya dipegang bagi pihak plaintif. Perkiraan atau hisab tidak menunjukkan demikian oleh kerana modal sebanyak RM26,300 telah menjadi RM299,993; ini bermakna tiap RM1 modal telah menjadi RM11.406577. Oleh itu modal sebanyak RM3,000 telah

menjadi RM34,219.73 dan bukannya RM82,354. Walaubagaimanapun saham untuk plaintif tidak pernah dipegang oleh defendan sebagai pemegang amanah kepada plaintif. Sebenarnya hakikat ini diketahui oleh plaintif.

(6) Plaintif mendakwa yang ianya mempunyai saham dalam syarikat defendan yang telah ditubuhkan dalam tahun 1968. Hanya dalam tahun 1992 plaintif membuat tuntutan terhadap defendan. Dalam keadaan bahawa tidak berkemungkinan defendan memegang saham itu bagi pihak plaintif sebagai pemegang amanah maka tindakan plaintif adalah "statute barred" (terhalang mengikut statute/ undang-undang).

Daripada fakta-fakta yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak, plaintif bukan sahaja terhalang oleh masa (statute barred) bahkan Makamah juga berpendapat bahawa plaintif tidak mempunyai kuasa tindakan (cause of action) terhadap defendan.

Permohonan plaintif dalam saman pemula ini ditolak dengan plaintif dikenakan kos.